



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, 1 Ogos 2025.

Untuk terbitan media
1 Ogos 2025

SIARAN MEDIA

PERKESO-PEPPER LABS KERJASAMA TINGKATKAN KEMAHIRAN GRADUAN MENGANGGUR MELALUI BIASISWA SIJIL KERJAYA GOOGLE

KUALA LUMPUR: Selaras dengan misi Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) untuk menangani isu pengangguran belia dan mempercepatkan keterangkuman digital, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan perusahaan impak sosial tempatan, Pepper Labs, telah menjalinkan kerjasama di bawah inisiatif Google Gemilang. Kerjasama perintis ini menandakan satu lagi langkah penting dalam perjalanan satu dekad Pepper Labs dalam membina impak dan negara melalui teknologi, inovasi serta perkongsian strategik.

Setelah memperkasa lebih 300,000 rakyat Malaysia dengan kemahiran kecerdasan buatan (AI) dan kemahiran digital bersedia masa hadapan, Pepper Labs kini bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan sektor awam untuk mengintegrasikan penyelesaian AI dalam transformasi tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan. Kerjasama ini menyerlahkan kedudukan unik Pepper Labs sebagai pemacu yang dipercayai dalam agenda digital dan sosioekonomi negara.

Di bawah program biasiswa ini, belia Malaysia yang menganggur ditawarkan biasiswa penuh bagi mendapatkan pensijilan bertaraf antarabangsa dalam bidang yang mempunyai permintaan tinggi seperti AI, keselamatan siber, analitik data, pengurusan projek dan pemasaran digital — yang disusun oleh Google dan disampaikan melalui platform www.coursera.org/google-career-certificates. Program ini merapatkan jurang antara pendidikan dan pekerjaan serta menyokong aspirasi negara untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran digital dan bersedia menghadapi masa depan.

PERKESO, di bawah hala tuju strategik KESUMA, memainkan peranan dalam mengenal pasti calon melalui platform MYFutureJobs dan karnival kerjaya, manakala Pepper Labs selaku rakan pelaksana utama menyediakan sokongan menyeluruh — merangkumi kemahiran teknikal, kemahiran abad ke-21, kemahiran insaniah dan kehidupan, kemahiran berkaitan masa depan pekerjaan serta sokongan penempatan kerja — bagi memastikan graduan bersedia untuk memperoleh pekerjaan yang bermakna.

“KESUMA komited untuk memperkasa belia negara dengan kemahiran yang seiring dengan kehendak ekonomi masa hadapan. Menerusi kerjasama antara PERKESO dan Pepper Labs ini, kita memastikan graduan menganggur tidak tercicir dalam arus peralihan digital. Inisiatif ini membuktikan keyakinan kita terhadap potensi bakat muda negara serta kesungguhan untuk memperkasa mereka dengan peluang yang bermakna dan diiktiraf di peringkat global,” menurut Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, dalam satu kenyataan.

Pengarah Google Malaysia, Farhan Qureshi dalam satu kenyataan berkata, “Hari ini, kami berbangga dapat mengembangkan inisiatif Google Gemilang untuk memberi manfaat kepada

lebih ramai rakyat Malaysia dengan bekerjasama bersama rakan strategik seperti PERKESO dan Pepper Labs. Usaha ini mencerminkan komitmen Google dalam memainkan peranan penting dalam memajukan ekosistem digital negara dan memacu kemajuan Malaysia secara bersama. Program pensijilan ini bakal membuka ruang baharu kepada graduan menganggur untuk menemui peluang baharu.”

Sebagai entiti yang diiktiraf kerajaan atas inovasi berasaskan impak secara konsisten, Pepper Labs turut mendapat pengiktirafan daripada Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan Belanjawan 2025, melalui komitmen nasional untuk menubuhkan dapur awan komuniti di kawasan kurang mendapat perkhidmatan, sekali gus memperluaskan lagi peranannya dalam penciptaan pekerjaan inklusif dan pembangunan perusahaan tempatan.

Kerjasama tiga pihak ini mencerminkan komitmen bersama dalam pembinaan negara, pemeraksanaan digital dan pemulihan ekonomi yang inklusif. Dengan pelaburan dalam modal insan serta galakan terhadap perkongsian awam-swasta, Malaysia terus mara ke arah merealisasikan aspirasi digitalnya di bawah gagasan Malaysia MADANI. Inisiatif rintis ini menjadi asas kepada model berskala yang boleh memberi manfaat kepada lebih ramai belia Malaysia pada masa akan datang.

Kumpulan pertama peserta telah memulakan latihan pada 26 Mei 2025, dengan calon dikenal pasti melalui usaha advokasi dan libat urus PERKESO. Buat masa ini, penyertaan adalah melalui jemputan, namun graduan yang berminat boleh menghubungi Pepper Labs di info@pepperlabs.my untuk menyatakan minat dan mendapatkan maklumat mengenai peluang akan datang di bawah inisiatif ini.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘tiada yang terpinggir’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

1 Ogos 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ikliil Fatihah

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my